

E-PASAR INDUSTRI KECIL SEDERHANA PAHANG BARAT

HANIS BATRISYIA BINTI MUHAMMAD ZAWAWI
NURHIZAM SAFIE BIN MOHD SATAR

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam era pandemik COVID-19 ini, kemerosotan ekonomi telah menyebabkan ramai masyarakat terjejas dan menghadapi kesukaran untuk menyara kehidupan. Perkara ini telah menyebabkan sekurang-kurangnya 150,000 Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah ditutup dan mengakibatkan 1.2 juta orang kehilangan pekerjaan. Selain itu, kebanyakan IKS tidak yakin dan tidak bersedia untuk melabur dalam automasi, e-dagang atau apa-apa yang melibatkan konsep IoT kerana kurangnya ilmu pengetahuan dalam bidang tersebut. Oleh itu, sistem ini dibangunkan sebagai ‘one stop digital portal’ untuk membantu memperkenalkan transformasi digital untuk Industri Kecil dan Sederhana. Skop sistem ini adalah khusus bagi komuniti IKS luar bandar di Daerah Pahang Barat seperti Bentong, Raub, Lipis, Bera, Jerantut and Cameron Highlands. Sektor industri yang difokuskan pula ialah makanan, minuman dan perkhidmatan tempat penginapan. Para penjual dapat memasarkan jualan kecil mereka serta membantu para pembeli untuk mencari produk jualan hanya dengan menggunakan sistem ini sahaja. Impak dari sistem ini ialah dapat memperkenalkan transformasi digital kepada komuniti IKS dari segi mengurus jualan dalam platform atas talian, rangkaian dalam talian, pengembangan produk dan perkhidmatan digital. Metodologi yang digunakan untuk membangunkan sistem ini ialah metod Agile kerana metod ini sesuai dengan pengubahsuaian dan pengembangan secara evolusi. Penggunaan rangka kerja ini melibatkan bahasa pengaturcaraan PHP, Javascript, HTML, dan CSS.

1 PENGENALAN

Penggunaan teknologi pada zaman ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan. Bagi mereka yang menjalankan perniagaan, aplikasi web sangat membantu untuk memajukan perniagaan mereka. Biarpun dunia kini serba moden, masih ada lagi segelintir peniaga yang masih menggunakan cara manual dalam mempromosikan dan menjual produk mereka.

Suatu program *Cloud-based Shared Services Learning* (CSSL) oleh Unit Pembangunan Ekonomi Pahang Barat Plus akan dijalankan bagi memberi bantuan terhadap komuniti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Pahang Barat untuk mengubah cara perniagaan mereka ke arah digital serta membantu membuka peluang pekerjaan buat graduan baharu. Program ini akan menggunakan tenaga pengajar yang sudah dilatih untuk memberi tunjuk ajar kepada komuniti IKS supaya mahir menggunakan sistem yang akan disediakan. Sistem yang akan dibangunkan bagi merealisasikan objektif ini ialah e-Pasar Industri Kecil Sederhana (IKS) Pahang Barat.

Bagi mencapai cita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya, sudah semestinya setiap usahawan perlu berada dalam keadaan progresif dan ingin sentiasa membangun. Oleh yang demikian, mereka hendaklah mengikuti perkembangan masa kini supaya dapat menaikkan lagi

pendapatan jualan mereka. Terdapat banyak syarikat yang menggunakan internet bagi meluaskan pasaran mereka ke arah global, dan tidak dapat dinafikan lagi bahawa kemajuan teknologi telah banyak memainkan peranan penting dalam perniagaan dan ekonomi di seluruh dunia.

2 PENYATAAN MASALAH

Era globalisasi ini amatlah menekankan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian. Namun begitu, segelintir masyarakat di kawasan luar bandar masih ada yang kurang mahir dalam penggunaan komputer. Hal ini merupakan satu punca kepada ketidakyakinan mereka dalam penggunaan teknologi baharu bagi memajukan perniagaan kerana kurangnya ilmu pengetahuan terhadap bidang teknologi maklumat.

Seterusnya, Pahang Barat terdapat banyak tempat menarik yang tidak diketahui ramai dan produk tradisional yang tidak dipromosikan ke kawasan bandar secara meluas. Hal ini mendorong kesukaran buat peniaga untuk mendapat untung kerana ketiadaan platform yang sesuai untuk mempromosikan perniagaan mereka.

Tambahan pula, kurangnya ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi mendorong kesukaran dalam memasarkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh orang yang bermiaga di kawasan luar bandar kepada orang ramai. Hal ini kerana, masyarakat kini lebih gemar membeli barang secara atas talian. Apabila peniaga tidak ada medium yang sesuai untuk memasarkan jualan mereka, maka pelanggan juga menghadapi kesukaran untuk mencari dan mendapatkan produk atau perkhidmatan yang disediakan di kawasan luar bandar tersebut.

Bukan itu sahaja, komuniti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menjalankan pemasaran perniagaan mereka hanyalah dari bualan mulut masyarakat kampung. Apabila terdapat pesanan daripada pelanggan, peniaga hanya mencatat pesanan itu ke dalam buku nota atau menyimpan maklumat tersebut melalui mesej di aplikasi WhatsApp sahaja. Oleh sebab itu, ketiadaan sistem yang dapat mencatat senarai pesanan pelanggan telah mendorong kesukaran untuk memastikan bahawa setiap pesanan yang dilakukan itu adalah tepat mengikut kehendak pelanggan.

Antara lain, masyarakat kini gemar menjelajah ke tempat-tempat baharu. Pelancong sekarang bukan hanya mengunjungi pulau dan sungai, tetapi mereka mula mengunjungi kawasan luar bandar supaya dapat mempelajari adat tradisi, budaya, makanan, dan hasil kraf masyarakat kita (Assafal Alian 2019). Walau bagaimanapun, para pelancong masih tidak tahu di mana tempat-tempat menarik yang patut mereka lawati sekiranya melancong ke kawasan luar bandar. Hal ini kerana, mereka berasa sukar untuk mencari perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana tiada pemasaran digital dari komuniti IKS luar bandar kurang diketahui orang ramai.

Selain itu, pandemik COVID-19 ini sangat memberi impak yang besar terhadap peniaga terutamanya komuniti IKS. Tidak semua orang bernasib baik, ada yang berjaya menangani pandemik ini, dan ada juga yang tidak berjaya dan hidup dalam kesusahan. Jadi, terdapat banyak komuniti IKS yang kehilangan pelanggan dan terpaksa menutup perniagaan mereka.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama projek ini adalah untuk membangunkan satu sistem untuk komuniti Pahang Barat yang boleh digunakan oleh peniaga-peniaga kecil dan pelanggan yang ingin menggunakan perkhidmatan dan mencari jualan di kawasan tersebut. Objektif utama projek ini ialah:

- Membangunkan suatu sistem yang mempunyai tahap kebolehgunaan yang baik bagi kegunaan komuniti IKS.
- Membina sistem yang boleh dipercayai untuk memastikan kesemua jualan atau produk tradisional Pahang Barat dan tempat menarik dan tempat penginapan di Pahang Barat sentiasa dikemaskini.

4 METOD KAJIAN

Bagi membangunkan e-Pasar Industri Kecil Sederhana (IKS) Pahang Barat, metodologi yang digunakan untuk memastikan pelaksanaan sistem berjalan dengan baik dan lancar ialah kaedah

Agile. Kaedah *Agile* digunakan kerana metodologi ini berupaya untuk bertindak mengikut perubahan dan ianya lebih fleksibel jika dibandingkan dengan kaedah tradisional. Sekiranya terdapat perubahan, kaedah ini sesuai kerana tidak perlu menggunakan kos yang tinggi atau melakukan pemindaan jadual (Fowler & Highsmith 2001). Seterusnya, penglibatan pelanggan ketika proses ini berlangsung adalah sangat diutamakan dari awal proses pembangunan berlangsung. Pentingnya penglibatan pelanggan dalam setiap fasa pembangunan adalah agar mereka berpuas hati apabila menggunakan sistem ini nanti. Kesimpulannya, disebabkan projek ini perlu dibangunkan dalam masa yang singkat, kaedah *Agile* merupakan kaedah yang paling sesuai dalam menjalankan proses pembangunan projek ini.

4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini penting bagi pembangunan sistem kerana fasa ini selari dengan pernyataan masalah di mana komponen-komponen dalam sistem ini sepatutnya menjadi penyelesaian kepada masalah tersebut. Dalam fasa ini, objektif, kekangan dan cadangan penyelesaian untuk pernyataan masalah dikenal pasti untuk membantu proses analisis.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini melibatkan proses menganalisis dan mentafsir semua maklumat yang dikumpul semasa fasa perancangan. Analisis spesifikasi keperluan sistem serta menilai kesesuaianya untuk kajian adalah dilaksanakan. Analisis spesifikasi perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memastikan perkakasan dan perisian yang sedia ada sesuai digunakan untuk memastikan pembangunan projek berjalan dengan lancar.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini menentukan senibina sistem yang akan digunakan. Antara muka sistem dipastikan bersesuaian dengan permasalahan kajian ini supaya objektif dapat dicapai. Fasa ini merangkumi proses mereka bentuk pangkalan data yang digunakan untuk pembangunan projek. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan semasa fasa pembangunan juga dipilih dalam fasa ini.

4.4 Fasa Pembangunan

Fasa ini membincangkan pembangunan dan pelaksanaan sistem yang dibangunkan. Pembinaan sistem yang dilaksanakan perlu memastikan ciri-ciri sistem yang telah dirancang berfungsi dengan baik. Fasa ini penting dalam mengenal pasti kelemahan sistem selepas proses pembangunan.


4.5 Fasa Pengujian

Sistem ini akan diuji untuk melihat sama ada dapat mencapai objektif atau tidak. Sistem ini diuji oleh peniaga di Pahang Barat dan orang ramai untuk menentukan keberkesanannya. Maklum balas tinjauan juga dibuat untuk menentukan tahap mesra pengguna dan kebolehgunaan sistem yang dibangunkan.


5 HASIL KAJIAN

e-Pasar Industri Kecil Sederhana Pahang Barat dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan JavaScript, PHP, CSS dan HTML, dan penyimpanan data terletak di phpMyAdmin dan server Laragon. Perisian yang digunakan ialah Visual Studio Code.

Bagi fungsi daftar masuk, peniaga atau pelanggan diharuskan mengisi nama pengguna, emel, kata laluan, sahkan kata laluan dan tekan butang ‘peniaga’ atau ‘pelanggan’. Selepas menekan butang ‘Daftar’, data akan dimasukkan ke dalam phpMyAdmin dan maklumat bagi pengguna tersebut akan wujud di dalam pautan. Rajah 1 menunjukkan antara muka bagi daftar masuk.




Rajah 1 Antara muka Daftar Masuk



Rajah 2 Antara muka Log Masuk

Pengguna akan dibenarkan log masuk ke dalam web sekiranya sudah mendaftar.

5.1 Modul Pentadbir



Rajah 3 Antara muka Halaman Utama Pentadbir

Setelah pentadbir log masuk ke dalam sistem, halaman utama pentadbir akan memaparkan tempat menarik yang terdapat di Pahang Barat.

The screenshot shows the 'Tambah Produk' (Add Product) form. The left sidebar shows the navigation menu with 'Produk' selected. The main form fields include 'Nama Kategori' (Category Name) with a dropdown menu 'Pilih Kategori.', 'Nama Produk' (Product Name), 'Harga (RM)' (Price), 'Berat (g)' (Weight), 'Penerangan' (Description) in a large text area, and 'Gambar' (Image) with a file upload section. A watermark 'Original@UKM' is overlaid across the page.

Rajah 4 Antara muka Tambah Produk


Pentadbir boleh tekan butang tambah produk pada menu dan mengisi nama kategori, nama produk, harga, berat, penerangan dan gambar. Setelah pentadbir menambah produk baharu, antara muka seperti dalam rajah 5 akan dipaparkan.

The screenshot shows the e-Pasar IKSPB platform. On the left, a sidebar for 'Nurul Ain | Admin' lists 'Produk', 'Tempat Penginapan', and 'Tempat Menarik'. The main content area features a yellow banner for 'PRODUK USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA PAHANG BARAT' with subtext 'TEMPOYAK | KEREPEK | MADU | KUIH-MUIH | SAMBAL HITAM' and a 'JOM BELI' button. To the right is a photograph of various packaged products. Below the banner are four smaller images with labels: 'Kerepek Bawang Fendi', 'Kuih Frozen Pulut Panggang', 'REMPEYEK KACANG TANAH', and 'karipap frozen'.

Rajah 5 Antara muka Produk

Di antara muka produk, pentadbir boleh klik pada mana-mana produk yang ingin dikemaskini dan antara muka seperti dalam rajah 6 akan dipaparkan.


The screenshot shows the 'Kemaskini Produk' (Update Product) page. The sidebar remains the same. The main form includes fields for 'Nama Kategori' (selected 'Kerepek'), 'Nama Produk' ('Kerepek Bawang Fendi'), 'Harga (RM)' ('13'), 'Berat (g)' ('500'), and 'Penerangan' ('ANEKA KEREPEK BAWANG Top customer choice 1) Bawang Tangkak 2) Bawang Ori'). To the right is a large image of a bowl filled with red, spiral-shaped kerepek.



The screenshot shows the 'Update Product' (Kemaskini Produk) page. It includes fields for product name (Kerepek Bawang Fendi), price (Harga RM 13), weight (Berat 500g), and description (Penerangan). A note says 'ANEKA KEREPEK BAWANG Top customer choice 1) Bawang Tangak 2) Bawang Ori 3) Bawang Haji Dan'. Below the description is a text area with 'Nice to see nice to taste.' and a file upload section ('Choose Files'). On the right, there are 'Hapus' (Delete) and 'Kemaskini' (Update) buttons. At the bottom left is a copyright notice: 'Copyright © 2022 e-Pasar IKSPB. Hak Cipta Terpelihara.'

Rajah 6 Antara muka Kemaskini Produk

Pentadbir boleh mengemaskini maklumat seperti nama kategori, nama produk, harga, berat, penerangan dan gambar, kemudian menekan butang ‘Kemaskini’. Sekiranya pentadbir ingin memadam produk, pentadbir boleh menekan butang ‘Hapus’ dan produk tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data.



The screenshot shows the 'Add New Accommodation Listing' (Tambah Tempat Penginapan) page. It has fields for 'Tempat' (Name), 'Harga per malam (RM)' (Price per night), 'Nama Hos' (Host Name), 'Kemudahan' (Facilities) with checkboxes for 'Tiada', 'Wi-Fi', 'Tempat Letak Kenderaan', 'TV', 'Pengering Rambut', 'Seterika', 'Dapur', 'Peti Sejuk', 'Balkoni', 'Penghawa Dingin', and 'Pemanas Air', and a 'Gambar' (Image) section with a placeholder image and a 'Choose Files' button. Other fields include 'Nombor Telefon' (Phone Number), 'Lokasi' (Location), and a dropdown 'Pilih Lokasi'. The sidebar shows the user is 'Nurul Ain | Admin' and lists 'Produk', 'Tempat Penginapan' (selected), 'Tambah Tempat Penginapan', 'Kemaskini Tempat Penginapan', and 'Tempat Menarik'.

Rajah 7 Antara muka Tambah Tempat Penginapan


Pentadbir boleh tekan butang tambah tempat penginapan pada menu dan mengisi nama tempat, nama hos, nombor telefon, lokasi, penerangan, harga per malam, kemudahan dan

gambar. Setelah pentadbir menambah tempat penginapan baharu, antara muka seperti dalam rajah 8 akan dipaparkan.



Rajah 8 Antara muka Tempat Penginapan

Di antara muka tempat penginapan, pentadbir boleh klik pada mana-mana tempat penginapan yang ingin dikemaskini dan antara muka seperti dalam rajah 9 akan dipaparkan.



GUESTHOUSE KAHII

- 4 bilik tidur. Kesemua bilik dilengkapi dengan Penghawa Dingin & bilik air tersendiri.
- 4 bilik air lengkap dgn tuala mandi dan shower gel (2 bilik air dilengkapi hot shower)
- Ruang tamu dilengkapi TV plasma siaran Njoy, set sofa, buai bulat, meja makan.
- Dapur dilengkapi dengan dapur gas 3 tungku, peralatan memasak, periuk nasi, peti ais, mesin basuh, sabun pencuci, microwave,

Harga per malam (RM)

160

Gambar

Choose Files No file chosen

Kemaskini

Copyright © 2022 e-Pasar IKSPB. Hak Cipta Terpelihara.

Rajah 9 Antara muka Kemaskini Tempat Penginapan

Pentadbir boleh mengemaskini maklumat seperti nama tempat, nama hos, nombor telefon, lokasi, penerangan, harga per malam, kemudahan dan gambar, kemudian menekan butang ‘Kemaskini’. Sekiranya pentadbir ingin memadam tempat penginapan, pentadbir boleh menekan butang ‘Hapus’ dan tempat penginapan tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data.

e-Pasar IKSPB

Nurul Ain | Admin

Home / Tambah Tempat Menarik

Tambah Tempat Menarik

Nama Tempat

Gambar

Choose Files No file chosen

Lokasi

Pilih Lokasi

Penerangan

Kemaskini Tempat Menarik


Rajah 10 Antara muka Tambah Tempat Menarik

Pentadbir boleh tekan butang tambah tempat menarik pada menu dan mengisi nama tempat, lokasi, penerangan dan gambar. Setelah pentadbir menambah tempat menarik baharu, antara muka seperti dalam rajah 11 akan dipaparkan.



Rajah 11 Antara muka Tempat Menarik

Di antara muka tempat menarik, pentadbir boleh klik pada mana-mana tempat menarik yang ingin dikemaskini dan antara muka seperti dalam rajah 12 akan dipaparkan.



Rajah 12 Antara muka Kemaskini Tempat Menarik


Pentadbir boleh mengemaskini maklumat seperti nama tempat, lokasi, penerangan dan gambar, kemudian menekan butang ‘Kemaskini’. Sekiranya pentadbir ingin memadam tempat menarik, pentadbir boleh menekan butang ‘Hapus’ dan tempat menarik tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data.

5.2 Modul Peniaga




Rajah 13 Antara muka Halaman Utama Peniaga

Setelah peniaga log masuk ke dalam sistem, halaman utama peniaga akan memaparkan produk peniaga tersebut.




Rajah 14 Antara muka Profil

Peniaga boleh tekan butang profil pada menu kemudian mengisi atau mengemaskini gambar profil, nombor telefon, nama kedai dan alamat.




Rajah 15 Antara muka Tambah Produk

Peniaga boleh tekan butang tambah produk pada menu dan mengisi nama kategori, nama produk, harga, berat, penerangan dan gambar. Setelah peniaga menambah produk baharu, antara muka seperti dalam rajah 16 akan dipaparkan.



Rajah 16 Antara muka Produk

Di antara muka produk, peniaga boleh klik pada mana-mana produk yang ingin dikemaskini dan antara muka seperti dalam rajah 17 akan dipaparkan.



The screenshot shows a product update form. At the top left is a sidebar with buttons for 'Tambah Produk' (Add Product), 'Kemaskini Produk' (Update Product), and 'Tempat Penginapan' (Accommodation). The main area has fields for 'Nama Produk' (Product Name) containing 'Sambal Bilis Cili Padi (Sambal Buruk Kak Nor)', 'Harga (RM)' (Price) with value '13', 'Berat (g)' (Weight) with value '180', and 'Penerangan' (Description) which includes a list of bullet points: 'Homemade, dijamin bersih dan halal', 'Simpan pada suhu bilik (tahan selama 3 bulan)', 'Simpan dalam peti ais (tahan selama 4 bulan)', 'Tanpa bahan pengawet', 'Boleh dijadikan pes nasi goreng atau penumis', and 'Sesuai dibawa ketika travel'. Below the description is a 'Choose Files' button with 'No file chosen'. On the right is a photograph of a jar of Sambal Buruk Kak Nor with a wooden spoonful next to it. At the bottom right are 'Hapus' (Delete) and 'Kemaskini' (Update) buttons.

Rajah 17 Antara muka Kemaskini Produk

Peniaga boleh mengemaskini maklumat seperti nama kategori, nama produk, harga, berat, penerangan dan gambar, kemudian menekan butang ‘Kemaskini’. Sekiranya peniaga ingin memadam produk, peniaga boleh menekan butang ‘Hapus’ dan produk tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data.

The screenshot shows an 'Add Accommodation' form. The sidebar on the left has buttons for 'Produk', 'Tempat Penginapan' (selected), 'Tambah Tempat Penginapan' (selected), and 'Kemaskini Tempat Penginapan'. The main form has fields for 'Nama Tempat' (Name), 'Harga per malam (RM)' (Price per night), 'Nama Hos' (Host Name), 'Kemudahan' (Facilities) with checkboxes for 'Tiada', 'Wi-Fi', 'Tempat Letak Kenderaan', 'TV', 'Pengering Rambut', 'Seterika', 'Dapur', 'Peti Sejuk', 'Balkoni', 'Penghawa Dingin', and 'Pemanas Air', and a 'Gambar' (Image) field with 'Choose Files' and 'No file chosen'. There are also fields for 'Nombor Telefon' (Phone Number), 'Lokasi' (Location) with a dropdown menu 'Pilih Lokasi', and 'Penerangan' (Description).

Rajah 18 Antara muka Tambah Tempat Penginapan


Peniaga boleh tekan butang tambah tempat penginapan pada menu dan mengisi nama tempat, nama hos, nombor telefon, lokasi, penerangan, harga per malam, kemudahan dan

gambar. Setelah peniaga menambah tempat penginapan baharu, antara muka seperti dalam rajah 19 akan dipaparkan.



Rajah 19 Antara muka Tempat Penginapan

Di antara muka tempat penginapan, peniaga boleh klik pada mana-mana tempat penginapan yang ingin dikemaskini dan antara muka seperti dalam rajah 20 akan dipaparkan.



Rajah 20 Antara muka Kemaskini Tempat Penginapan

Peniaga boleh mengemaskini maklumat seperti nama tempat, nama hos, nombor telefon, lokasi, penerangan, harga per malam, kemudahan dan gambar, kemudian menekan butang ‘Kemaskini’. Sekiranya peniaga ingin memadam tempat penginapan, peniaga boleh menekan butang ‘Hapus’ dan tempat penginapan tersebut akan dipadamkan dari pangkalan data.

5.3 Modul Pelanggan

PRODUK USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA PAHANG BARAT

TEMPOYAK | KEREPEK | MADU | KUIH-MUIH | SAMBAL HITAM


JOM BELI

Produk Asli
Produk tradisional yang dibuat daripada sumber asli

Produk Halal
Semua produk adalah diyakini halal dan bersih untuk dimakan

Produk selamat
Produk seperti baharu ketika sampai di rumah anda

Produk popular



Rajah 21 Antara muka Produk

Setelah pelanggan log masuk ke dalam sistem, antara muka produk akan memaparkan produk yang terdapat di Pahang Barat. Pelanggan boleh klik pada mana-mana produk yang menarik dan melihat pada butiran produk tersebut seperti di antara muka dalam rajah 22.

The screenshot shows a product detail page with a yellow header bar containing links for 'Beli-Belah', 'Tempat Menarik', and 'Tempat Penginapan'. On the right, there are icons for a shopping cart, user profile, and 'Logout'. The main content area features a large image of yellow banana chips on a plate. The product name 'Kerepek Pisang Abu Rangup & Sedap' is displayed above the price 'RM 11'. Below the price, it says 'Kategori: Kerepek' and 'Berat: 300 g'. A prominent orange 'Add To Cart' button is located at the bottom left of the product details. At the very bottom of the page, there is a small note: 'KEREPEK PISANG ABU (RANGUP & NIPIS) BAHAN-BAHAN : Pisang Marjerin Garam Minyak Sawit'.

Rajah 22 Antara muka Butiran Produk

Pelanggan boleh klik pada butang ‘Add To Cart’ untuk menambah produk ke dalam troli dan produk tersebut akan dimasukkan ke dalam troli beli-belah pelanggan.

Product is Added to Cart Successfully !

Produk	Kuantiti	Harga
Kerepek Pisang Abu Rangup & Sedap	<input type="button" value="1"/> Kemaskini	RM 11
Sambal Bilis Cili Padi (Sambal Buruk Kak Nor)	<input type="button" value="1"/> Kemaskini	RM 13
Jumlah RM24		
Buang semua dalam troli	Kembali membeli-belah	Teruskan

Rajah 23 Antara muka Troli Beli-belah

Produk yang ditambah akan dipaparkan di antara muka troli beli-belah. Pelanggan boleh mengemaskini kuantiti produk tersebut dan membuang produk. Pelanggan juga boleh meneruskan pembelian dengan menekan butang ‘Teruskan’.

Terima kasih kerana membuat pesanan dengan kami!


Ringkasan Pesanan		Order ID : 873123
Kerepek Pisang Abu Rangup & Sedap	Kuantiti: 1	RM 11
Sambal Bilis Cili Padi (Sambal Buruk Kak Nor)	Kuantiti: 1	RM 13

Maklumat Perhubungan

E-mel Nama

Rajah 24 Antara muka Membuat Pesanan

Butiran pembelian akan dipaparkan di antara muka membuat pesanan. Pelanggan perlu mengisi maklumat perhubungan dan alamat penghantaran seperti emel, nama, nombor telefon, alamat, poskod, bandar, daerah dan negeri. Antara muka seperti dalam rajah 25 akan dipaparkan setelah pelanggan menekan butang ‘Teruskan’.



Rajah 25 Antara muka Terima Kasih

Beli-Belah Tempat Menarik Tempat Penginapan

mirul Logout

Tempat Menarik di Pahang Barat



Rajah 26 Antara muka Tempat Menarik

Sekiranya pelanggan menekan butang tempat menarik pada menu, senarai tempat menarik di Pahang Barat akan dipaparkan. Kemudian, pelanggan boleh klik pada tempat menarik yang diminati untuk melihat butiran tempat menarik tersebut seperti dalam rajah 27.

Beli-Belah Tempat Menarik Tempat Penginapan

mirul Logout

Tempat Menarik di Pahang Barat

Muzium Sultan Abu Bakar





Muzium Sultan Abu Bakar

Muzium ini memaparkan banyak artifak yang penting dalam sejarah negara dan budaya Melayu tempatan. Muzium ini dibuka secara rasmi oleh Sultan Ahmad Shah sekitar Oktober 1976. Tempat menarik di Pekan Pahang ini terletak di bekas kediaman Residen British, yang dibina pada tahun 1929. Muzium ini kemudiannya dibeli oleh Sultan Pahang pada tahun 1948 dan dinamakan semula sebagai Istana Kota Beram. Pada tahun 1965, Sultan memindahkan kediamannya ke sebuah istana baru (Istana Abu Bakar), dimana ia adalah Istana Diraja sekarang. Dengan berkunjung ke muzium ini, anda dapat mempelajari pelbagai kesenian Islam masa lalu yang menarik kerana terdapat pelbagai galeri, artifak, seramik, dan arkeologi yang dipamerkan.

2022 IKSPB

ikspb@iks.my +60193883178 Pahang Barat

Rajah 27 Antara muka Butiran Tempat Menarik

Beli-Belah Tempat Menarik Tempat Penginapan

Logout

Tempat Penginapan di Pahang Barat

Triang Ecolodge Farm Retreat (Lily)
RM 160

duapintu: Private Riverside Cottages in Kampung
RM 1800

R3troHouse 3Bedroom with AC PS4, POOL TABLE, TVBOX
RM 399

Muhammad's Clan by KMK
RM 249

Rajah 28 Antara muka Tempat Penginapan

Sekiranya pelanggan menekan butang tempat penginapan pada menu, senarai tempat penginapan di Pahang Barat akan dipaparkan. Kemudian, pelanggan boleh klik pada tempat penginapan yang diminati untuk melihat butiran tempat penginapan tersebut seperti dalam rajah 29.

Tempat Menginap di Pahang Barat

duapintu: Private Riverside Cottages in Kampung



duapintu: Private Riverside Cottages in Kampung

Dihoskan oleh Intan dan Yee


Duapintu adalah estet persendirian yang luas yang terletak di atas bukit Janda Baik yang dikelilingi oleh kehijauan yang subur dan sungai. Ia terdiri daripada dua kotej kayu yang boleh memuatkan 24 orang dengan selesa. Nikmati halaman yang luas untuk aktiviti luar dan dapur & ruang makan di tepi sungai untuk barbecue dan makanan. Tempat ini sesuai untuk perhimpunan besar keluarga dan rakan-rakan. Duapintu terletak di sebidang tanah yang luas di tepi sungai yang indah. Anda boleh mendaki bukit di sini untuk menikmati gambaran keseluruhan tempat kami dan bukit-bukit. Pintu masuk dengan pintu pagar & peti keselamatan. Tiada berkaitan alkohol & babi. Nikmati saja alam.

RM 1800 / malam

Intan dan Yee

Hubungi Kami: 018-2987665

Kemudahan di penginapan ini



Rajah 29 Antara muka Butiran Tempat Penginapan

6 KESIMPULAN

Sistem e-Pasar IKS Pahang Barat telah dibangunkan dengan objektif membangunkan suatu sistem yang mempunyai tahap kebolehgunaan yang baik bagi kegunaan komuniti industri kecil sederhana. Sistem e-Pasar IKS Pahang Barat juga dibangunkan untuk memastikan kesemua jualan atau produk tradisional Pahang Barat dan tempat menarik dan tempat penginapan di Pahang Barat sentiasa dikemaskini. Reka bentuk pangkalan data juga ditambah baik beberapa kali untuk mempertingkatkan kualiti sistem e-Pasar IKS Pahang Barat.

Kesimpulannya, objektif projek ini telah dicapai walaupun terdapat beberapa pembatasan pada sistem untuk mencapai kualiti yang dikehendaki. Penambahbaikan perlu dilakukan agar sistem ini menjadi lebih stabil dan pengguna menjadi lebih selesa dan yakin untuk menggunakan e-Pasar IKS Pahang Barat dengan lebih baik.

7 RUJUKAN

- Fowler, M., & Highsmith, J. (2001). The agile manifesto. *Software development*, 9(8), 28-35.
- ABAQUS/EXPLICIT. 2009. Version 6.5. Providence: ABAQUS Inc.
- Kosasi, Sandy. (2015). Perancangan Sistem E-Commerce Untuk Memperluas Pasar Produk Oleh-Oleh Khas Pontianak.
- Maier, M. W., Emery, D., & Hilliard, R. (2001). Software Architecture: Introducing Ieee Standard 1471. *Computer*, 34(4), 107-109.
- Pahang, K. 2020. Usaha Serius Bangunkan Daerah-Daerah Pahang Barat. *Khabar Pahang*. <http://khabarpahang.blogspot.com/2020/12/usaha-serius-bangunkan-daerah-daerah.html>. [11 December 2021].
- SELDEC. Selangor Digital e-Supply Chain Program. 2021. (n.d.). <https://seldec.my/>. [November 24, 2021].

Hanis Batrisyia Binti Muhammad Zawawi (A175218)
Nurhizam Safie Bin Mohd Satar
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia